

'Kami benar2 tahu apa yang berlaku'

PADA hari bekas Setiausaha Politiknya ditangkap oleh polis kerana kegiatan mengintip, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d , menghabiskan masa lebih dari sejam ber-

bincang mengenai berbagai isu dengan wartawan UPI.

Satu daripada isu yang disentuh dalam wawancara itu ialah berita paling hangat hari itu — penangkapan Encik Siddiq Ghouse kerana

terlibat dengan kegiatan pengintipan KGB.

Sepanjang temubual itu Datuk Seri Dr. Mahathir bersandar pada kerusi yang belakang meja yang bersusun tinggi dengan berbagai laporan dan

Oleh PAUL WEDEL

kertas kerja.

Timbalan Perdana Menteri itu menjawab dengan lელი segala pertanyaan yang d i k e m u k a k a n kepadanya, dengan suara yang perlahan tetapi mesra.

Bila timbul soalan-soalan mengenai Setiausaha Politiknya yang baru dilangkap itu, beliau agak tegang dan berhati-hati. Tetapi dalam lain-lain perkara beliau menjawab penuh dengan jenaka yang tajam.

Berikut ialah hasil temubual tersebut mengenai perkara ini:

Soal: Kalau Datuk tidak keberatan, saya ingin menimbuhkan perkara yang baru berlaku ke atas Encik Siddiq. Sejauh manakah pada fikiran Datuk ini menunjukkan tujuan sebenar Russia terhadap Malaysia? Adakah Datuk percaya yang mereka ingin hendak menggunakan Datuk secara peribadi? Apakah kemannya peristiwa ini?

Jawab: Tujuannya memanglah agak jelas tetapi saya tidak dapat

mengagak sejauh mana. Saya tidak dapat membuat ukuran mengenai. Tetapi hakikat yang nyata ialah mereka berjaya mendapatkan tenaga seorang yang agak rapat hubungannya dengan kepimpinan negara ini. Jadi ini adalah suatu perkara yang kami anggap serius.

Soal: Telah berapa lama D a t u k mengetahui tentang penyiasatan ini?

Jawab: Agak lama juga. Tapi saya tak dapat menerangkan tempoh sebenarnya. Namun kami memang telah mengikuti perkembangan ini dan benar-benar tahu apa yang sedang berlaku.

Soal: Mungkinkah sebab Datuk terus mengekalkannya sebagai Setiausaha Politik supaya tidak mengganggu penyiasatan itu? Datuk tentunya boleh menyangkirkannya lama sebelum ini?

Jawab: Sejak 1974.

Soal: Adakah Datuk percaya perkara ini telah berjalan lebih jauh, atau terhenti setakat beliau seorang?

Jawab: Kami tentunya boleh mengetahui jika

Saya tak senang dengan tindak tanduk Siddiq Mahathir

ada lagi orang yang lain.

Soal: Berapa besarakah pada pendapat Datuk kerosakan yang diakibatkan?

Jawab: Tidak begitu banyak. Dari segi apa yang telah dilakukannya saya rasa tidak banyak yang cukup berharga bagi Russia.

Soal: Adakah Datuk dapat mengawal apa yang diketahuinya selepas Datuk mendapat tahu mengenai hubun-



DATUK SERI DR MAHATHIR

ngannya?

Jawab: Saya rasa saya tidak dapat berkata begitu.

Soal: Apa perasaan Datuk sendiri mengenai tindak-tanduk Encik Siddiq itu?

Jawab: Saya merasa amat tidak senang.

Soal: Dia telah bersama dengan Datuk agak lama.

Soal: Adakah Datuk tahu mengapa dia berbuat begitu?

Jawab: Saya tak percaya perbuatannya itu bersangkut dengan keyakinan ideologi. Ia mungkin kerana kepentingan material.

Soal: Adakah Datu rasa dia telah diupah? Jawab: B e s a k kemungkinannya.

Soal: Betapa mesrakah Datuk dengannya? Tentunya Datu telah bekerja rapat dengannya.

Jawab: Tidak rapat.

Soal: Dalam bidang apakah dia membuat Datuk?

Jawab: Biasanya menemui rakyat yang menghadapi masalah.

Soal: Di Kedah? Jawab: Tidak banyakannya di Kuala Lumpur.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia